



MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH

KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat - syarikat Perunding Penilaian yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam kod bidang yang ditetapkan dan berdaftar dengan Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta Malaysia yang masih sah tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan daripada tarikh tutup tender serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi perkhidmatan perunding berikut:-

Pejabat Yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Gred, Kategori & Pengkhususan/Kod Bidang & Taraf	Tempat, Tarikh Dan Waktu Dokumen Mula Dijual	Harga Dokumen	Tempat, Tarikh Dan Waktu Tender Ditutup
Majlis Perbandaran Alor Gajah Lebuh AMJ, Alor Gajah, Melaka	Kerja-kerja Penyediaan Senarai Nilaian Baharu bagi Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)	Kod Bidang: 340403 - Penilaian Harta / Hartanah Taraf: Bumiputera / Bukan Bumiputera	Tempat: Unit Perolehan, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Alor Gajah Lebuh AMJ, Alor Gajah, Melaka. Tarikh Penjualan Dokumen: 27 Oktober 2025 (Isnin) Hingga 17 November 2025 (Isnin)	Harga Dokumen RM300.00 TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN	Tempat: Peti Tender, Unit Perolehan, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Alor Gajah Lebuh AMJ, Alor Gajah, Melaka. Tarikh Tender Ditutup: 17 November 2025 (Isnin) Waktu Tender Ditutup: 12.00 tengah hari

1. Dokumen Meja Tender boleh disemak di pejabat berkenaan semasa waktu pejabat (8.00pagi - 4.30petang):

Unit Perolehan, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Alor Gajah,
Lebuh AMJ, 78000 Alor Gajah, Melaka.

2. Dokumen tender **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <http://stom.melaka.gov.my>. Tender dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya syarikat membuat salinan pendua daripada dokumen tender yang asal.

1. MENDAFTAR DI STOM	2. CIPTA AKAUN DI PORTAL E-BAYAR	3. BACA DAN FAHAM MANUAL SISTEM STOM
----------------------	----------------------------------	--------------------------------------



<https://stom.melaka.gov.my>



<https://ebayar.melaka.gov.my>



<https://stom.melaka.gov.my/docs>

3. Pihak Kontraktor / Pembekal / Syarikat perlu melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak **RM50.00 setahun** dan **membuat pembelian sebut harga secara atas talian**.
4. Untuk makluman, syarikat yang ingin membeli dokumen sebut harga dan belum pernah berdaftar dikehendaki berdaftar terlebih dahulu sebagai pembekal MPAG dengan yuran pendaftaran sebanyak **RM50.00** bagi **kategori bekalan & perkhidmatan** dengan mengemukakan **Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)**, **Penyata Kewangan Syarikat** dan **Profil Syarikat**.
5. Bagi syarikat yang telah berdaftar sebagai pembekal **MPAG**, perlulah memastikan pendaftaran syarikat kekal aktif dan telah diperbaharui sebelum membeli dokumen sebut harga. Kadar yuran pembaharuan pendaftaran adalah sebanyak **RM 30.00 setahun**.
6. Bagi sebarang urusan **pendaftaran** atau **pembaharuan pendaftaran syarikat dengan MPAG**, hendaklah dilakukan secara atas talian melalui **Sistem eSyarikat** yang boleh dicapai melalui alamat <http://portal.mpag.gov.my/esyarikat>
7. Sila lampirkan resit pembelian dokumen tender dan dikepikan bersama dokumen tender.
8. Majlis tidak terikat untuk menerima tender dengan harga terendah atau mana-mana harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tender. Keputusan Lembaga Perolehan adalah muktamad.
9. Kenyataan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Majlis Perbandaran Alor Gajah di alamat www.mpag.gov.my dan di 'Facebook' rasmi MPAG.

YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH
LEBUH AMJ,
78000 ALOR GAJAH

TARIKH: 15 OKTOBER 2025